

Bot bawa diesel ke Thailand ditahan

KUALA PERLIS - Pasukan Polis Marin Wilayah 1 Langkawi telah menahan sebuah bot yang membawa muatan minyak diesel sebanyak 1,100 liter di perairan laut Kuala Perlis pagi kelmarin.

Pegawai Pemerintah Pasukan Polis Marin Wilayah 1 Langkawi, Deputi Superintendent Rohizan Mohd Saaid berkata, hasil maklumat bersama unit Risikan Marin, sebuah bot dikerah menjalankan rondaan telah menahan sebuah bot dan tekong.

"Tekong berkenaan merupakan seorang lelaki berumur 55 tahun dan mengaku sedang menghabilla ke Thailand.

"Dia ditahan pada jam



Anggota polis meminta lelaki yang ditahan menunjukkan lokasi minyak diesel yang disimpan.

11.30 pagi ketika berada di jarak 1.5 batu nautika dari pantai Kuala Perlis dan hulu 255 darjah menghala ke Thailand.

"Bot tersebut dieskot ke Martek Kuala Perlis Pasu-

kan Polis Marin Langkawi untuk tindakan lanjut dan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Perlis," katanya dalam satu kenyataan semalam.